

Kelantan, Terengganu sepakat tol boleh dikutip

UM 31 DEC 1999

KOTABHARU 30 Dis: — Kerajaan Kelantan berpendirian sama dengan Terengganu yang membenarkan kutipan tol sekiranya pembinaan Lebuhraya Pantai Timur merentasi negeri itu kelak.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kerajaan negeri tidak mempunyai masalah sekiranya Kerajaan Pusat hendak berbuat demikian.

“Bagaimanapun kalau boleh dikecualikan daripada dikenakan bayaran tol lebih baik,” katanya kepada pemberita selepas upacara mengangkat sumpah anggota Dewan Undangan Negeri di Kota Darulnaim, di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta mengulas kesediaan Kerajaan Pusat untuk membina Lebuhraya Pantai Timur dengan syarat kutipan tol dibenarkan.

Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, Kerajaan Pusat boleh membina lebuhraya itu termasuk memungut tol sebagaimana dikehendaki tanpa halangan kerajaan negeri.

Katanya, kerajaan negeri itu bersikap terbuka dalam perkara itu kerana tidak mahu membebankan Kerajaan Pusat yang mempunyai banyak tanggungjawab.

Nik Aziz menambah, kerajaan negeri sebenarnya tidak perlu meminta Kerajaan Pusat membina lebuhraya itu kerana ia memang telah menjadi kewajipan Kuala Lumpur.

“Nama lagi lebuhraya, itu kerja Kerajaan Pusat, yang kerja kerajaan negeri buat jalan kecil sahaja,” tambahnya.

Dalam hal itu menurutnya, beliau pernah meletakkan syarat kepada pelabur yang berminat untuk membina lebuhraya di negeri itu supaya jalan raya kecil sedia ada tidak ditutup.

Setuju

Menyentuh kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Kerajaan Pusat sedia bekerjasama dengan kerajaan Kelantan asalkan ‘bertepuk dua belah tangan’, Nik Aziz berkata, beliau setuju dengan kenyataan itu.

“Amalan demokrasi memang kena tepuk dua belah tangan dan itu sudah menjadi syaratnya iaitu mesti ada pembangkang sama seperti dalam agama itu sendiri,” jelasnya.

“Dalam agama pembangkang disebut sebagai penasihat, sistem alam ini pun Tuhan buat atas dasar pertandingan dan persaingan yang sihat,” ujarnya.